

SOALAN NO: 452

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS
DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG
TARIKH :
SOALAN : 452**

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan jumlah klinik kesihatan yang sedang beroperasi di negeri Perak. Adakah Kementerian berhasrat menambahkan jumlah klinik kesihatan di dalam daerah Kinta, Perak.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, sehingga 31 Disember 2017, terdapat 354 buah fasiliti kesihatan primer yang sedang beroperasi di negeri Perak yang terdiri daripada 85 buah Klinik Kesihatan, 11 buah Klinik Kesihatan Ibu dan Anak, 233 buah Klinik Desa dan 25 buah Klinik 1Malaysia.

Pihak Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa mengkaji keperluan pembinaan klinik statik berdasarkan keutamaan dan keperluan dari masa ke masa. Pihak Jabatan Kesihatan Negeri Perak telah membuat perancangan untuk memohon lapan (8) buah klinik baru bagi Daerah Kinta yang akan dipohon di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 hingga Rancangan Malaysia Ke-13 secara berfasa mengikut keutamaan. Di

08

bawah Rancangan Malaysia Ke-11, Klinik Kesihatan Jenis 2 Bercham akan diberi keutamaan dan telah dipohon di bawah *Rolling Plan* 3 tetapi tidak diluluskan oleh EPU (Economic Planning Unit) dan akan dimajukan sekali lagi di bawah *Rolling Plan* 4 untuk kelulusan EPU. Projek menaik taraf Klinik Kesihatan Greentown telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* 1 dengan pembinaan blok tambahan dengan kos projek sebanyak RM15 juta untuk menempatkan perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak bagi mengurangkan kesesakan di klinik sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [IPOH TIMOR]

SOALAN : 453

Tuan Su Keong Siong [Ipoh Timur] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status berkenaan dengan penyiasatan ke atas penembakan jatuh pesawat awam MH17. Apakah langkah Kerajaan untuk membawa pendakwaan terhadap pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas penembakan pesawat awam MH17 ini.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, siasatan jenayah berhubung nahas pesawat MH17 masih dijalankan oleh *Joint Investigation Team* (JIT) yang diterajui oleh Belanda dan dianggotai oleh Australia, Belgium, Malaysia dan Ukraine. Siasatan jenayah tersebut perlu mendapatkan keterangan yang konklusif dan boleh dipercayai yang dapat dipertahankan dalam mahkamah menurut tatacara yang ditetapkan di bawah sistem perundangan Belanda. Beban pembuktian dalam kes jenayah adalah lebih berat dan dengan itu siasatan jenayah mengambil masa yang lebih lama. Pada masa ini, penyiasatan tertumpu kepada usaha untuk mengenal pasti pihak yang bertanggungjawab dalam nahas pesawat MH17.

Berhubung langkah Kerajaan dalam mendakwa pihak-pihak yang bertanggungjawab ke atas penembakan pesawat MH17, Kerajaan bersama-sama dengan Negara-negara yang diwakili dalam JIT telah bersetuju supaya opsyen pendakwaan nasional yang dilaksanakan di bawah sistem perundangan Belanda dipilih sebagai opsyen pendakwaan terbaik berbanding opsyen pendakwaan melalui tribunal jenayah antarabangsa yang ditubuhkan melalui suatu statut khusus.

Susulan daripada itu, Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding – MoU*) untuk meraih sokongan politik untuk mendakwa pihak yang bertanggungjawab menembak jatuh pesawat MH17 telah ditandatangani oleh Menteri-Menteri Luar Negeri dari kesemua negara yang diwakili dalam JIT pada 20 September 2017 semasa Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations General Assembly – UNGA*) di New York, Amerika Syarikat. Objektif MoU tersebut adalah bagi

menyatakan sokongan politik negara-negara yang diwakili dalam JIT bagi melaksanakan pendakwaan nasional di bawah sistem perundangan Belanda.

Pada masa ini, Malaysia bersama-sama negara-negara yang diwakili dalam JIT sedang meneruskan perbincangan mengenai kerja-kerja persediaan bagi pelaksanaan pendakwaan nasional tersebut termasuklah memperhalusi draf MoU mengenai sokongan kewangan bagi memperoleh komitmen negara-negara JIT untuk membiayai secara bersama kos pelaksanaan pendakwaan di Belanda kelak.